

BULETIN CKE

CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

EDISI 1 / 2019
#CKEBERPRESTASITINGGI

UTUSAN PENGARAH KANAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Syabas dan tahniah kepada warga kerja Bahagian Penyelarasan & Khidmat Sokongan Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE) kerana telah berjaya menerbitkan Buletin CKE Edisi 1/2019 untuk tatapan kita semua.

Di sini saya ingin menyeru kepada seluruh warga CKE khususnya untuk terus meningkatkan mutu kualiti dan pencapaian perkhidmatan kita kepada rakyat. Kerjasama dan komitmen dari seluruh warga CKE di semua peringkat Bahagian, Cawangan ,Negeri dan Kader di samping sokongan Pengurusan Atasan yang berterusan amatlah dihargai.

Semoga terbitan buletin ini menjadi wadah ilmu dan titian perhubungan kepada semua.

Selamat membaca

*PENGARAH KANAN CKE
Ir. HJ. YAAKOB BIN ABDUL LATIF*

ISI KANDUNGAN

1-4 MESYUARAT-MESYUARAT

- *Mesyuarat Ketua-Ketua Jurutera Elektrik JKR SeMalaysia Bil.1/2019*
- *Mesyuarat Ketua-Ketua Jurutera Elektrik JKR SeMalaysia Bil.2/2019*
- *Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan AP182*

5-8 ANUGERAH / PENCAPAIAN

- *Anugerah Tokoh CKE Julai -Disember 2018*
- *Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018*
- *Karnival Hari Sukan JKR SeMalaysia 2019*
- *National Innovation And Invention Competition Through Exhibition 2019*

9-11 LAWATAN / BENGKEL

- *Lawatan teknikal ke TM One / Cyberjaya*
- *Bengkel Kami Juara KIK 2019*
- *Lawatan Teknikal ke University College of Technology Sarawak*

12-14 AKTIVITI PERKONGSIAN

- *Tazkirah Bulanan & Tazkirah Sempena Ramadhan Al-Mubarak*
- *Sesi Perkongsian Ilmu Program "Bring Your Own Mug"*

15-17 ACARA / MAJLIS

- *Majlis Sambutan Tahun Baru China*
- *Lawatan Kerja Timbalan Menteri Kerja Raya ke Cawangan Kejuruteraan ELelektrik*
- *Persaraan (Jan-Jun 2019)*

MESYUARAT KETUA-KETUA JURUTERA ELEKTRIK JKR SEMALAYSIA

SENAI, JOHOR - Mesyuarat Ketua-ketua Jurutera Elektrik JKR SeMalaysia Bil.1/2019 telah diadakan pada 23-25 Januari 2019 yang melibatkan wakil Ketua Jurutera di Ibu Pejabat, Cawangan, Negeri dan Kader.

Mesyuarat ini adalah menjadi satu platform untuk perkongsian maklumat di antara semua agensi bagi mewujudkan kerjasama dan meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan cemerlang.

Antara program yang diadakan semasa mesyuarat adalah pembentangan dari CKE Ibu Pejabat & Kader JKR, pembentangan Inovasi dari JKR Elektrik Perak, Majlis persaraan bagi Ketua Jurutera Elektrik yang bersara dari bulan Januari hingga Jun jugak turut diraikan.

"Sekiranya sesuatu pekerjaan dilakukan secara bersama dan bersatu, Kerja yang susah akan menjadi mudah"

1

Pembentangan 1 : Tindakan Susulan Wakil Pegawai Penguasa Pakar Elektrik (WPP Pakar) ke atas Bahan atau Barang atau Pemasangan Elektrik di Tapak Bina Pada Masa Sebelum atau Semasa atau Selepas Sesuatu Kontrak Utama Ditamatkan

Pembentang : En. Shari bin Keling
Bahagian Pengurusan Portfolio & Kualiti, CKE

Pembentangan 2 : Pelaksanaan Pemasangan Prototaip Produk Inovasi LCDD Di Setiap CKE Negeri
Pembentang: En. Nasrullah bin Hj. Abd. Malik
CKE Negeri Perak

Pembentangan 3 : Penetapan Senarai Barang Tempatan dan Luar Negara

Pembentang: Ir. Muhammad Zamri bin Ramli
Unit Pengujian Bahan dan Standard, CKE

Pembentangan 4 : Flood Mitigation Pumping System
Pembentang : Ir. Baidhil Aimie bin Mustapha
Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

Pembentangan 5 : Pelaksanaan SARE di JKR Elektrik Negeri
Pembentang : Dr. Abdul Muhamimin bin Mahmud
Unit Perunding Kecekapan Tenaga Elektrik

GAMBAR SEPANJANG MESYUARAT KETUA-KETUA JURUTERA ELEKTRIK SEMALAYSIA



MESYUARAT KETUA-KETUA JURUTERA ELEKTRIK SeMALAYSIA BIL 2/2019

PARLIMEN MALAYSIA - Mesyuarat Ketua-ketua Jurutera Elektrik SeMalaysia Bil. 2/2019 telah diadakan pada 15 & 16 April 2019 yang melibatkan semua Ketua-Ketua Jurutera Elektrik Ibu Pejabat, Negeri dan Kader JKR di lain-lain Kementerian.

Mesyuarat yang dipengerusikan Pengarah Kanan CKE ini telah menjadi sejarah kerana pertama kalinya diadakan di Parlimen Malaysia. Ahli mesyuarat juga telah diberi peluang melawat sekitar Parlimen dan pembinaan Fasa 3B yang sedang berjalan.





MESYUARAT PENYELARASAN PELAKSANAAN AP182

JKR NEGERI KELANTAN - Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan AP182 telah diadakan pada 15 - 17 Mei 2019 yang melibatkan semua Ketua-Ketua Jurutera Elektrik Ibu Pejabat dan Negeri.

Mesyuarat ini adalah salah satu platform untuk mendapatkan cadangan pelaksanaan serta risiko yang terlibat.

Lawatan Teknikal ke Projek Mahkamah Syariah Kota Bharu yang menggunakan teknologi lampu LED sebagai lampu fasad. Lawatan Masjid Ar-Rahman Mukim Pulau Gajah, Kota Bharu turut diadakan dimana pemasangan sistem solar dan juga pemasangan elektrik bagi rekabentuk masjid yang unik.

ANUGERAH TOKOH CKE (JULAI-DISEMBER 2018)



**Ir. MOHD FAZRIL BIN
MOHAMED RAMLEE**

JURUTERA ELEKTRIK (J44)



ROZAIME BIN MOHD

PENOLONG JURUTERA ELEKTRIK (JA36)



ZAMRUL BIN CHE HAP

PEMANDU KENDERAAN (H11)

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK TAHUN 2018

Ir. HANIZAN BINTI
SHAFFII (J54)



Ir. ZILAILA BINTI
ZAKARIA (J52)

HASRUDIN BIN
MD FADZALI (J48)



DAEVIANNA @ VIAN BINTI
PENJINUS @ AGANG (J44)

NUR ILYANA BINTI
SHAHARUDDIN (J44)



Ir. MOHD FAZRIL BIN
MOHAMED RAMLEE (J44)

MOHD FARIQ BIN
MOHD FAUZI (J41)



Ir. SHAHRUL AFFENDY
BIN ABU BAKAR (J48)

ANA SALMI BINTI
AHMAD SALMAN (J48)



NURUL HUDA BINTI
ABDUL HADI (J41)

NORRAINI BINTI
LIAS (JA29)



YUSRI BIN YUSOFF
(JA29)

ZAMRI BIN ABD HALIM
(JA38)



MUHAMAD ALIFF
BIN GIBAN (JA29)

HAFIZAH BINTI
RASHID (JA38)



ROZAIME BIN
MOHD (JA36)

NORZAMRI BIN
HUSAIN (JA29)



NOOR WISMAWATI
BINTI MOHD SALLEH (JA29)



KARNIVAL HARI SUKAN JKR SEMALAYSIA 2019


21-24 Februari 2019 - Karnival Sukan JKR SeMalaysia 2019 telah diadakan di Kota Kinabalu, Sabah. Dua kakitangan Cawangan Kejuruteraan Elektrik iaitu En. Sallehuddin bin Abu Hassan dalam acara sukan ping pong dan En. Norzamri bin Husain dalam acara sukan sepak takraw. Dalam acara sukan sepak takraw wakil CKE telah mendapat pingat gangsa. Tahniah diucapkan kepada semua pemain.



NATIONAL INNOVATION AND INVENTION COMPETITION THROUGH EXHIBITION 2019

iCompEx'19 PERINGKAT KEBANGSAAN "INSPIRE THE NEXT"

19-21 Mac 2019 - Cawangan Kejuruteraan Elektrik telah dijemput untuk menyertai iCompEX 2019 peringkat kebangsaan yang bertemakan "Inspire The Next" yang telah diadakan di Kedah. Kumpulan ELECT telah hadir mewakili Cawangan Kejuruteraan Elektrik dengan produk SMART PRO ESTIMATOR dan telah mendapat "gold medal" pada pameran tersebut.



LAWATAN KE TM ONE

29 Januari 2019 - Lawatan ke TM One adalah bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai "Big Data Analytics" dan melawat TM One Experience Centre.

LAWATAN KE CYBERJAYA

25 Februari 2019 - Lawatan bertujuan untuk membuka peluang kolaberasi dan kerjasama strategik antara JKR dan DreamEdge Sdn.Bhd yang berteraskan teknologi terkini.



BENGKEL KAMI JUARA KIK 2019

27-28 Februari 2019 - Bengkel kami juara KIK 2019 telah diadakan di Fakulti Kejuruteraan dan Alam Sekitar UKM. Tujuan bengkel ini adalah untuk merancang dan melaksanakan inovasi baru untuk Cawangan Kejuruteraan Elektrik. Bengkel ini turut dibantu oleh pensyarah-pensyarah dari UKM.





LAWATAN TEKNIKAL KE UNIVERSITY COLLEGE OF TECHNOLOGY SARAWAK (UTCS)

12 Februari 2019 - Lawatan ke University College Of Technology Sarawak adalah untuk menilai dan memperlajari sistem solar yang dibangunkan oleh Samdo Smart Solar (M) Sdn. Bhd seta membuka peluang berkolaborasi pada masa akan datang.



TAZKIRAH BULANAN DAN TAZKIRAH SEMPENA BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK

Kelab Kebajikan dan Sosial (AKSI) CKE telah mengadakan aktiviti Tazkirah Bulanan dan Tazkirah sempena bulan Ramadhan ini dibawah biro agama. Pihak urusetia telah menjemput penceramah bebas dari luar untuk menyampaikan tazkirah setiap bulan dan setiap hari Jumaat pada bulan Ramadhan. Program ini sedikit sebanyak dapat mengisi aktiviti kerohanian dan keagamaan kepada setiap kakitangan di CKE.

SESI PERKONGSIAN ILMU PROGRAM "BRING YOUR OWN MUG"

Program "BRING YOUR OWN MUG" (Pegawai J41 dan J44) adalah untuk menerap dan meningkatkan tahap keyakinan diri, menerapkan ciri-ciri kepimpinan, mengasah bakat sedia ada dan sebagai saluran perkongsian ilmu. Tujuannya adalah melahirkan lebih ramai pelapis bagi Jurutera Elektrik di Cawangan Kejuruteraan Elektrik yang mampu untuk menjadi pemimpin, menjadi Jurutera Elektrik yang penuh karisma dan berkeyakinan tingga serta mewujudkan persekitaran yang lebih mesra.

PENCERAMAH: MOHD QUYYUM BIN AB RAHMAN

TAJUK: KNOWLEDGE SHARING RENEWABLE ENERGY DI JICA, JEPUN

PEN

PRO
TARI



PENCERAMAH: HAIRUL ANUAR BIN AZIZ



SESI PERKONGSIAN ILMU PROGRAM "BRING YOUR OWN MUG"



SAMBUTAN TAHUN BARU CINA TAHUN 2019

Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Tahun 2019 telah diadakan diperkarangan Kantin tingkat 3 Menara Kerja Raya Blok G Ibu Pejabat JKR Malaysia pada 24 February 2019. Majlis ini julung kalinya diadakan sebagai penghargaan kepada warga CKE berketurunan cina yang merayakan Sambutan Tahun Baru Cina.

Majlis turut dihadiri oleh Pengarah- Pengarah dari Cawangan di JKR. Majlis juga diberi kejutan dengan persembahan yang didatangkan khas iaitu tarian naga, soalan-soalan berkaitan JKR



LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA KE CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Pada 24 Jun 2019 Timbalan Menteri Kerja Raya YB Tuan Haji Anuar bin Mohd Tahir telah membuat satu lawatan kerja ke Cawangan Kejuruteraan Elektrik untuk bertemu dengan pihak atasan CKE untuk berbincang berkenaan dengan permasalahan dan kekangan yang dihadapi pada masa kini dalam memberi khidmat bakti kepada masyarakat.


Lawatan tersebut juga dapat mengeratkan hubungan antara Pihak Pengurusan Atasan Kementerian Kerja Raya dan Agensi dibawahnya seperti CKE. Pihak CKE berbesar hati dan merakamkan ribuan terima kasih kepada YB kerana sudi hadir ke CKE.



PERSARAAN (JAN-JUN 2019)



Ir. Muhamed Tarmizy bin Yaacob
Jurutera Elektrik Penguasa Kanan
Tarikh : 10 Februari 2019



Ir. Hj. Baihaki bin Azraee
Jurutera Elektrik Penguasa Kanan
Tarikh : 24 Februari 2019



Ir. Sabariah binti Hussain
Jurutera Elektrik Penguasa Kanan
Tarikh : 1 Februari 2019



Ir. Haizan bin Husein
JUSA C
Tarikh : 16 Jun 2019

DISEDIAKAN OLEH :



**BAHAGIAN PENYELARASAN & KHIDMAT SOKONGAN
CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
KUALA LUMPUR**